

PANDUAN UNTUK PESAKIT

URUSAN PENDAFTARAN MASUK WAD

1. Sila datang ke **Kaunter Daftar Masuk (BDM)** yang terletak di bangunan Induk Hospital Sultanah Aminah Johor pada tarikh yang telah ditetapkan dalam borang arahan masuk wad untuk urusan pendaftaran.
2. Sekiranya anda tidak dapat hadir pada hari tersebut, sila hubungi Klinik Pakar yang berkenaan untuk mendapatkan tarikh temujanji yang baru.
3. Sila bawa bersama dokumen / keperluan berikut:
 - a) Borang Arahan Masuk Wad
 - b) Kad Pengenalan/ Sijil Kelahiran/ Passport/ dokumen perjalanan yang sah
 - c) Surat Jaminan yang sah/ Salinan asal dan fotostat kad pesara (pesara kerajaan)
 - d) Bayaran Deposit Hospital (Wang Tunai / Kad Debit / Kad Kredit)
 - e) Lain-lain dokumen yang berkaitan
 - f) Pesakit Warganegara Asing yang di bawah perlindungan insurans REMEDI / SPIKPA perlu membawa Passport yang asal
 - g) Keperluan peribadi seperti peralatan mandian dan lain-lain
4. Bayaran **Deposit Hospital** dan **Kelas Wad** untuk kemasukan wad bagi Warganegara Malaysia adalah seperti berikut:

Kadar Bayaran Deposit Hospital (Warganegara Malaysia)			Bayaran Bagi Kelas Wad (Warganegara Malaysia)		
Disiplin	Kelas 1 (RM)	Kelas 3 (RM)	Kelas Wad	Caj Rawatan Pesakit Dalam Dalam (sehari) RM	Caj Wad (sehari) RM
Perubatan	3,000.00	20.00	Kelas 1 A	15.00	120.00
Pembedahan	3,000.00	30.00	Kelas 1 C	15.00	90.00
Bersalin-Normal	2,000.00	15.00	Kelas 1 D	15.00	60.00
Bersalin- <i>Caesarean</i>	3,000.00	100.00	Kelas 3	-	3.00

5. Bayaran **Deposit Hospital dan Kelas Wad** untuk kemasukan wad bagi **Warganegara Asing** adalah seperti berikut:

Kadar bayaran Deposit Hospital (Warganegara Asing)			Bayaran Bagi Kelas Wad (Warganegara Asing)		
Disiplin	Kelas 1 (RM)	Kelas 3 (RM)	Kelas Wad	Caj Rawatan Pesakit Dalam (sehari) RM	Caj Bilik (sehari) RM
Perubatan	7,000.00	1,400.00	Kelas 1- 1 bilik 1katil	100.00	320.00
Pembedahan	11,000.00	2,800.00	Kelas 1- 1 bilik 2 katil	100.00	240.00
Obstetrik dan Ginekologi	7,000.00	2,800.00	Kelas 1- 1 Bilik 4 katil	100.00	200.00
			Kelas 3	100.00	160.00

6. Penentuan Wad

- Pesakit yang dimasukkan ke wad, boleh memilih kelas wad tertakluk kepada kebenaran Pakar Perubatan yang merawat, kekosongan katil, kelayakan pesakit dan kesanggupan pesakit/ waris untuk membayar keseluruhan caj rawatan di bawah kelas wad yang dipilih.
- Penjawat Awam (Persekutuan) dan tanggungan yang hendak mendapatkan perkhidmatan perubatan di Hospital KKM mesti menggunakan e-GL (HRMIS).
- Bagi pesakit yang pada mulanya dimasukkan ke dalam wad kelas yang lebih rendah dan kemudiannya **dipindahkan ke wad yang lebih tinggi atas permintaannya sendiri**, hendaklah membayar semua caj mengikut kadar caj wad yang lebih tinggi, mulai dari tarikh dimasukkan ke Hospital.
- Bagi pesakit yang dimasukkan ke Unit Rawatan Intensif dan Unit Rawatan Koronari, caj adalah sama seperti caj kelas wad am.

7. Bayaran Deposit Hospital

- Bayaran Deposit yang dikutip dari pesakit yang dimasukkan ke wad hospital KKM bertujuan bagi memastikan tunggakan bil berkurangan.
- Pesakit dikehendaki membuat **bayaran tambahan deposit** sekiranya jumlah yang didepositkan **tidak dapat menampung caj hospital** yang telah dikenakan.
- Lebih bayaran Deposit akan dikembalikan kepada pesakit sekiranya bil hospital adalah kurang dari deposit yang telah dibayar. (Waktu Pejabat sahaja)

ANGGARAN CAJ RAWATAN BAGI KELAS 1 (BERSALIN)

Contoh : Bersalin Secara Pembedahan (*Caesarean*)

Bil	Caj yang dikenakan	Kekerapan (hari/kali)	Amaun (RM)	Jumlah Bayaran (RM)
1	Caj Bilik Bersalin	1	120.00	120.00
	Bersalin Operation	1	1,200.00	1,200.00
	Caj Dewan Bedah	1	120.00	120.00
	Ultrasound (RADON)	3	75.00	225.00
	CTG (KARAN)	5	45.00	225.00
	Ujian Makmal - A	3	150.00	450.00
	Ujian Makmal - B	3	120.00	360.00
	Ujian Makmal - c	4	75.00	300.00
	Caj Wad (Sehari)	4	135.00	540.00
			JUMLAH	3,540.00

Contoh: Bersalin Forseps / Vakum / Songsang

Bil	Caj yang dikenakan	Kekerapan (hari/ kali)	Amaun (RM)	Jumlah Bayaran (RM)
2	Bilik Bersalin	1	120.00	120.00
	Bersalin Forseps	1	600.00	600.00
	Ultrasound (RADON)	4	75.00	300.00
	CTG (KARAN)	5	45.00	225.00
	Ujian Makmal - A	3	150.00	450.00
	Ujian Makmal - B	3	120.00	360.00
	Ujian Makmal - C	4	75.00	300.00
	Caj Wad (Sehari)	2	135.00	270.00
			JUMLAH	2,625.00

Contoh: Bersalin Biasa

Bil	Caj yang dikenakan	Kekerapan (hari/ kali)	Amaun (RM)	Jumlah Bayaran (RM)
3	Caj Wad (Sehari)	2	135.00	270.00
	Bersalin Biasa	1	450.00	450.00
	Ultrasound (RADON)	3	75.00	225.00
	CTG (KARAN)	4	45.00	180.00
	Ujian Makmal - A	3	150.00	450.00
	Ujian Makmal - B	3	120.00	360.00
	Ujian Makmal - c	4	75.00	300.00
			JUMLAH	2,235.00